

Kementerian terbitkan buku RMK-9

Objektif utama kementerian ialah untuk memberitahu orang ramai bahawa peruntukan RMK-9 mesti dijayakan dengan telus

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Menteri Pelajaran

Oleh NORSEDEK ISMAIL

KLUANG 23 Jun - Kementerian Pelajaran akan menerbitkan buku pelan induk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk kementeriannya agar semua pihak terutama pentadbir sekolah faham hala tuju kerajaan sehingga tahun 2010.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, buku yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan mengandungi semua agenda kementerian berkenaan sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan RMK-9.

Beliau menjelaskan, objektif utama kementerian ialah untuk memberitahu orang ramai bahawa peruntukan RMK-9 mesti dijayakan dengan telus dan efisien.

Ini kerana, tegas beliau, semua program pendidikan mengambil masa untuk dijayakan dan buku itu akan menjadi garis panduan bagi menghindari syak wasangka di kalangan masyarakat.

"Dua pendekatan diberi keutamaan dalam pelan induk tersebut, pertama, menyamaratakan 10,000 buah sekolah yang sedia ada termasuk kemudahan infrastruktur.

"Kedua, mencari kelompok kecemerlangan iaitu sekolah tertentu disuntik bantuan dan kuasa autonomi bagi mengajakkannya lebih gemilang dan terbilang," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sembrong berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penutup Kerja Perpaduan Murid Menengah Rendah peringkat kebangsaan di Dewan Taman Sri Lambak dekat sini hariini.

Program empat hari di Hutan Lipur Gunung Berlumut, Felda Ulu Dengar, Kahang itu disertai 700 murid sebagai strategi kementerian untuk menanam semangat perpaduan di usia muda.

Perancangan

Hishammuddin berkata, selepas tahun 2010, semua perancangan itu akan dinilai semula bagi mengenal pasti langkah seterusnya untuk menganjakkan sekolah ke peringkat lebih tinggi.

"Saya yakin dengan peruntukan disediakan, kepimpinan yang ada serta fahaman mendalam, membolehkan semua pihak bergerak serentak dan pelan induk ini mampu menjadi kenyataan," ujarinya.

Beliau menjelaskan, buat permulaan, buku pelan induk itu hanya akan diedarkan kepada pegawai kementerian ibu pejabat dan negeri-negeri.

Kemudiannya, ujar beliau, satu siri penerangan akan dilakukan di seluruh negeri supaya kumpulan sasaran faham isi kandung buku itu.

Katanya, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai yang ingin memiliki buku tersebut mungkin akan dikenakan sedikit bayaran.